

16/01/1997

Korporat pertingkat martabat bola sepak

Halmi Samad

TAMPUK pengurusan tertinggi Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) terpelepas seketika apabila sebuah syarikat perunding sukan dengan penuh rasa bangga menyatakan nilai logo Liga Perdana dan Piala Malaysia sekitar RM20 hingga RM25 juta.

Kerana itu, kalau FAM mahu jadi big player dalam senario bola sepak dunia, inilah kesempatan terbaik untuk melonjakkan prestasi keseluruhan badan induk berkenaan termasuk kutipan wang dan kualiti permainan daripada ihsan pengkorporatan.

Namun, apabila sesudah idea dan proposal Timbalan Presiden FAM, Tengku Abdullah mahu mengkorporatkan pengurusan semua persatuan bola sepak negeri ditolak secara halus, badan induk berkenaan kini mula merenung sejenak bencana apakah menimpanya.

Rezeki di depan mata ditolak mentah-mentah. Sedangkan sudah sampai masa bola sepak Malaysia perlukan satu suntikan kecemerlangan. Lantaran itu, apa sekalipun alasan semua persatuan bola sepak negeri termasuk bimbang hilang kuasa pentadbiran serta wang ringgit angkara pengkorporatan tidak boleh diterima akal secara zahir.

Pengkorporatan sebenarnya menghulur tali kegemilangan kepada bola sepak Malaysia.

Secara berterus terang, kalau ada pemimpin persatuan bola sepak negeri yang meragui kejaguan sistem pengkorporatan, mereka harus menyemak satu demi satu projek penswastan yang dicetus dan diwarwarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sudah terbukti kini penswastan adalah satu tiang seri dalam sistem pentadbiran Dr Mahathir. Malangnya masih ada pemimpin persatuan bola sepak negeri yang mahu mundur dan meletakkan kualiti pentadbiran dan pengurusan kewangan di satu tahap paling mencemaskan.

Rasional pengkorporatan bola sepak Malaysia ialah mahu menghulur salam perkenalan kepada semua gergasi konglomerat dan syarikat swasta sama-sama duduk di meja perbincangan mengenal pasti cara terbaik menghimpunkan semaksimum yang boleh kadar keuntungan, selain menjamin urusan tadbir kelas pertama, dalam masa sesingkat mungkin.

Yang jelas, dalam erti kata cukup ringkas, dengan adanya sistem pengkorporatan Liga Perdana dan perlawanan Piala Malaysia boleh diatur dengan penuh efisien dan tersusun. Kalau ia mampu diterjemahkan dalam bentuk realiti, kadar keuntungan serta urusan tadbir FAM dan semua persatuan bola sepak negeri akan melonjak ke satu tahap tertinggi.

Kadar untung maksimum dan urusan tadbiran kelas pertama hanyalah merangsang lebih banyak gergasi konglomerat serta syarikat swasta ternama menghulur wang ringgit tanda tajaan. Ini sekali gus akan menambahkan perisa kehebatan liga. Dan secara beransur-ansur ia akan mula menyaingi Liga Jepun (Liga J), Liga Perdana Inggeris dan Serie A Itali.

Fenomena itu akan hanya merangsang lebih banyak pemain kelas dunia produk Itali, Jerman dan Brazil menabur bakti dalam Liga Perdana Malaysia. Kesan daripada penghijrahan ini akan memakmurkan lagi industri pelancongan negara. Ramai berkunjung ke Malaysia semata-mata mahu melihat Alan Shearer, Eric Cantona, Roberto Baggio, Les Ferdinand atau Ronaldo, memerah keringat di hamparan padang di negara ini.

Ini bukan satu perkara mustahil!

Mungkin ada pemimpin persatuan bola sepak negeri yang berbelah bagi dengan kuasa pengkorporatan. Tetapi menandakan betapa cetek pengetahuan

mereka. Demi masa depan bola sepak, pengkorporatan harus diutamakan. Soal cengkaman kuasa dalam urusan tadbir dan kewangan boleh diaturkan selepas itu.

Kehebatan kuasa pengkorporatan tidak terhenti di situ. Hanya dengan pengkorporatan, FAM boleh menjimatkan seberapa wang di peringkat pengurusan pertandingan.

Ia juga bakal menikmati pertambahan pendapatan dan kenaikan kadar untung adalah terjamin.

Sesudah masalah tadbir dan wang ringgit dibereskan, kemungkinan untuk memastikan kehebatan pertandingan - Liga Perdana, Piala FA dan Piala Malaysia - tidak lagi boleh dinafikan. Andai ini bisa diterjemahkan dalam bentuk realiti, minat mencintai bola sepak di kalangan remaja pasti bercambah.

Kalau inilah yang berlaku, usaha untuk memupuk pemain remaja berpotensi di negara tidak berdepan dengan halangan atau sekatan-sekatan tertentu. Rentetan itu, penubuhan akademi bola sepak untuk memenuhi tuntutan remaja tidak boleh dihalang-halang lagi.

Kehebatan seterusnya yang terpancar hasil pengkorporatan ialah pembinaan lebih stadium dan padang kerana minat mencintai tidak lagi boleh dicantas. Di mana anak-anak muda ini boleh mcurah skil mereka kalau tidak di padang atau stadium. Ketika itu, soal penajaan dan wang ringgit satu perkara enteng.

(END)